

(lambung) di dalam masjid. Rasulullah s.a.w. menutupiku dengan selimutnya utk aku (turut) melihat permainan mereka.⁶⁷⁶ Ibrahim bin al-Munzir menambah,⁶⁷⁷ (katanya): Ibnu Wahab meriwayatkan kepadaku, (katanya): Yunus meriwayatkan kepadaku daripada Ibnu Syihaab daripada `Urwah daripada `Aaisyah, katanya: “Aku melihat Nabi s.a.w. ketika orang-orang Habsyah sedang (berlatih) bermain lambung mereka.”

باب ذكر البيع والشراء على المنبر في المسجد

43- Bab Menyebutkan Tentang Jualbeli Di Atas Mimbar Di Dalam Masjid.⁶⁷⁸

⁶⁷⁶ Antara pengajaran dan panduan yang terdapat di dalam hadith ini ialah: (1) Keharusan bermain senjata seperti lambung dan lain-lain di dalam masjid sebagai latihan dan persiapan untuk menghadapi musuh. (2) Kita orang-orang Islam boleh melihat permainan yang diharuskan oleh agama. (3) Orang-orang perempuan boleh melihat permainan atau pertunjukan yang diadakan oleh orang-orang lelaki dalam batas-batas yang dibenarkan. (4) Kebenaran kepada `Aaisyah melihat permainan lambung di dalam masjid itu bukan semata-mata untuk hiburan, tetapi untuk disampaikannya sunnah itu kepada umat kemudian. (5) Sesetengah sukan dianggap sangat baik dalam Islam dan begitu digalakkan, sehingga ia boleh diadakan di tempat yang suci seperti di dalam masjid sekalipun. (6) Keelokan budi pekerti Rasulullah s.a.w. dan kemesraan Baginda dengan isteri-isterinya. (7) Kelebihan `Aaisyah dan keistimewaan di sisi Rasulullah s.a.w. (8) Apabila terdedah kepada lelaki, orang-orang perempuan Islam dikehendaki berada dalam keadaan lebih tertutup atau dalam keadaan berhijab dengan sempurna. (9) Hijab para isteri Rasulullah s.a.w. lebih berat berbanding hijab orang-orang perempuan Islam yang lain. (10) Senjata yang digunakan dalam berjihad dan latihan untuk berjihad hendaklah yang sesuai dengan tuntutan dan kehendak semasa.

⁶⁷⁷ Riwayat Ibrahim bin al-Munzir ini menurut al-`Aini sebenarnya dikemukakan oleh Bukhari secara ta'liq. Menurut Kirmaani oleh kerana Ibrahim bin al-Munzir itu salah seorang guru Imam Bukhari, maka Bukhari meriwayatkan daripadanya secara ta'liq tidak lebih dari satu kemungkinan sahaja. Bagaimanapun hadiths ini diwashalkan oleh imam Ahmad dan al-Isma'ili melalui saluran riwayat `Utsman bin `Umar daripada Yunus (daripada Zuhri dan seterusnya). Tetapi di dalamnya juga tidak terdapat perkataan *في المسجد*. Imam Muslim menghilangkan kemusykilan di dalam Sahihnya apabila beliau meriwayatkan daripada Abi at-Thaahir ibni as-Sarh daripada Ibnu Wahab (daripada Zuhri dan seterusnya). Di dalamnya tersebut: *والحبشة يلعبون بحرابهم في مسجد رسول الله* (ketika orang-orang Habasyah bermain lambung mereka di dalam masjid Rasulullah s.a.w.). Berdasarkan riwayat ini kedua-dua perkataan “lambung” dan “di dalam masjid” tersebut di dalam hadiths yang sama. Apa yang ditambah oleh Ibrahim bin al-Munzir ialah perkataan *بحرابهم* di akhir hadiths riwayatnya. Riwayat inilah yang menjadi landasan Bukhari untuk menyebutkan perkataan *أصحاب الحراب* di dalam tajuk bab di atas.

⁶⁷⁸ Kebanyakan pensyarah Sahih Bukhari berpendapat, tujuan Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menyatakan perbezaan di antara menyebutkan masalah jual beli di dalam masjid dengan menjual beli di dalamnya. Yang pertama diharuskan malah dianggap elok, jika ia disebut sebagai mengajar hukum-hakamnya. Dan yang kedua pula adalah terlarang sebagai haram atau sekurang-kurangnya makruh tanzih. Syah Waliyullah berpendapat, tujuan Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menyatakan keharusan mengadakan `aqad jual beli di dalam masjid tanpa membawa barang yang dijual beli itu di dalamnya. Alasannya ialah `aqad jual beli berupa ijab qabul semata-mata, sama seperti percakapan-percakapan lain yang diharuskan. Kalau di luar masjid ia diharuskan kenapa pula di dalamnya tidak diharuskan?! Larangan menjual beli di dalam masjid yang tersebut di dalam sesetengah hadiths itu sebenarnya hanya yang melibatkan barang-barang yang hendak diperjual belikan itu dibawa bersama di dalamnya. Menurut Syeikh Zakariya, Syah Waliyullah sebenarnya telah memakai qaedah beristidlal dengan ma'na umum hadiths yang selalu diguna pakai oleh Bukhari dalam menarik sesuatu hukum daripada hadiths. Ini kerana di dalam hadiths yang dikemukakan beliau di bawah bab ini, tidak ada tersebut langsung tentang telah berlakunya `aqad jual beli atau ijab qabul di dalam masjid seperti yang disimpulkan oleh Syah Waliyullah itu. Walaupun tersebut di dalamnya perkataan *ابتاعها فأعتقها فإن* Bermaksud: “Belilah dan merdekakanlah dia (Barirah), kerana walaa' hanya diperolehi orang yang memerdekakan (seseorang hamba).” Tetapi ia tetap tidak menunjukkan `aqad jual beli

٤٣٦- حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ يَحْيَى عَنْ عَمْرَةَ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ أَتَتْهَا بَرِيرَةُ تَسْأَلُهَا فِي كِتَابَتِهَا فَقَالَتْ إِنْ شِئْتَ أُعْطِيتُ أَهْلُكَ وَيَكُونُ الْوَلَاءُ لِي وَقَالَ أَهْلُهَا إِنْ شِئْتَ أُعْطِيتُهَا مَا بَقِيَ وَقَالَ سُفْيَانُ مَرَّةً إِنْ شِئْتَ أُعْطِيتُهَا وَيَكُونُ الْوَلَاءُ لَنَا فَلَمَّا جَاءَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَكَرْنَاهُ ذَلِكَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ابْتَاغِيهَا فَأَعْتَقِيهَا فَإِنَّ الْوَلَاءَ لِمَنْ أَعْتَقَ ثُمَّ قَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الْمَنْبَرِ وَقَالَ سُفْيَانُ مَرَّةً فَصَعِدَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الْمَنْبَرِ فَقَالَ مَا بَالُ أَقْوَامٍ يَشْتَرُونَ شُرُوطًا لَيْسَ فِي كِتَابِ اللَّهِ مِنْ اشْتَرَطَ شَرْطًا لَيْسَ فِي كِتَابِ اللَّهِ فَلَيْسَ لَهُ وَإِنْ اشْتَرَطَ مِائَةَ مَرَّةٍ قَالَ عَلِيُّ بْنُ يَحْيَى وَعَبْدُ الْوَهَّابِ عَنْ يَحْيَى عَنْ عَمْرَةَ نَحْوَهُ وَقَالَ جَعْفَرُ بْنُ عَوْنٍ عَنْ يَحْيَى قَالَ سَمِعْتُ عَمْرَةَ قَالَتْ سَمِعْتُ عَائِشَةَ وَرَوَاهُ مَالِكٌ عَنْ يَحْيَى عَنْ عَمْرَةَ أَنَّ بَرِيرَةَ وَلَمْ يَذْكُرْ صَعِدَ الْمَنْبَرِ

436- 'Ali bin 'Abdillah (al-Madini) meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyan (bin 'Uyainah) meriwayatkan kepada kami daripada Yahya (bin Sa'id al-Anshaari) daripada 'Amrah daripada 'Aaisyah, katanya ('Amrah): "Barirah⁶⁷⁹ telah pergi

Barirah telah berlaku di dalam masjid. Paling tinggi di dalamnya tersebut bahawa Nabi s.a.w. telah menyatakan bantahan dan tegurannya terhadap orang-orang yang berjual beli dengan syarat-syarat yang tidak menepati atau tidak sesuai dengan hukum Allah, ketika Baginda berada di atas mimbar di dalam masjid. Maka zahirnya lebih menguatkan pendapat kebanyakan pensyarah, bukan menyokong pendapat Syah Waliyyullah. Bagaimanapun seperti telah disebutkan sebelum ini bahawa Imam Bukhari selalu juga menyimpulkan sesuatu hukum daripada ma'na umum hadits. Walaupun ia agak jauh daripada jangkauan pemikiran kebanyakan orang. Ma'na umum hadits yang dimaksudkan ialah Nabi s.a.w. ada menyebutkan tentang memerdekakan hamba, walaa' seseorang hamba setelah dimerdekakan dan jual beli ketika berucap di atas mimbar berhubung dengan penjualan dan pembelian Barirah. Syeikh Zakariya di dalam Muqaddimah al-Abwaab wa at-Tarajim dan Muqaddimah Laami' ad-Daraarinya memasukkan qaedah yang diguna pakai Bukhari di sini di bawah usul ke lima puluh. **Para 'ulama' berbeza pendapat tentang** berjual beli di dalam masjid. Imam Ahmad di dalam salah satu pendapatnya dan kebanyakan pengikut-pengikutnya dari kalangan Hanaabilah berpendapat, tidak harus bahkan tidak sah dan haram berjual beli di dalam masjid secara mutlaq. Imam Abu Hanifah berpendapat, hukum mengadakan 'aqad jual beli semata-mata di dalam masjid adalah harus. Tetapi kalau barang yang hendak diperjual belikan dibawa bersama, maka hukumnya adalah makruh. Jumhur 'ulama', termasuk Imam Bukhari, Syafi'e dan lain-lain berpendapat, jual beli di dalam masjid pada dasarnya adalah sah dan harus. Hadits yang melarang berjual beli di dalam masjid seharusnya dipakai dengan ma'na makruh sahaja, jika tidak ada sebab-sebab lain yang boleh membawa kepada haramnya. Antara alasan mereka ialah hadits-hadits larangan berjual beli di dalam masjid, kebanyakannya dha'if. Paling tinggi hadits-haditsnya bertaraf hasan. Bagi Bukhari secara khususnya, tidak ada satu pun daripada hadits-hadits itu menepati syarat beliau. Imam Malik dan sesetengah tokoh fiqh mazhab Hanafi seperti Imam at-Thahaawi dan lain-lain pula berpendapat harus berjual beli di dalam masjid, jika ia tidak berlaku secara berleluasa dan mengubah suasana keharmonian. Tetapi hukumnya akan berubah kepada makruh atau haram, jika keadaan sebaliknya berlaku. Ibnu Batthaal, Al-'Iraaqi, al-Maawardi dan lain-lain berkata: "Ijmaa' para 'ulama' telah berlaku tentang 'aqad jual beli yang diadakan di dalam masjid tidak harus dibatalkan." Al-Maaziri pula berkata: "Para 'ulama' berbeza pendapat tentang keharusan berjual beli di dalam masjid. Bagaimanapun mereka bersepakat tentang sahnya 'aqad jual beli yang berlaku di dalamnya." Tentu sekali ijmaa' dan kesepakatan yang dimaksudkan oleh mereka ini ialah ijmaa' atau kesepakatan para 'ulama' selain Ahmad dan kebanyakan Hanaabilah.

⁶⁷⁹ Beliau ialah Barirah binti Shafwaan. Seorang sahabiyah berbangsa Qibti. Sebelum dibeli dan dimerdekakan oleh 'Aaisyah, beliau pernah menjadi hamba kepada sekumpulan orang-orang Anshaar. Menurut al-Kirmaani, beliau pernah juga menjadi hamba kepada 'Utbah bin Abi Lahab. Semasa dibeli dan dimerdekakan 'Aaisyah, beliau telah pun bersuami. Nama suaminya berdasarkan riwayat yang sahih ialah Mughits. Kisah Barirah ini dulang sebut oleh Imam Bukhari sebanyak dua puluh lima kali pada dua puluh lima tempat di dalam Sahihnya ini. Ia dikemukakan dalam beberapa versi. Ada yang pendek dan ada pula yang panjang. Hadits Barirah di atas adalah salah satu versinya yang pendek.

meminta tolong daripadanya ('Aaisyah) untuk menyelesaikan kitabahnya.⁶⁸⁰ Kata 'Aaisyah: "Kalau engkau mahu, boleh aku berikan kepada tuanmasmu (wang utk kemerdekaanmu) dengan (syarat) walaa'nya akan menjadi milikku. Tuan Barirah (pula) berkata: Kalau engkau ('Aaisyah) mahu, boleh engkau berikan kepadanya jumlah (wang) yang belum dibayar."⁶⁸¹ Pada ketika yang lain, Sufyan pernah berkata: "Jika engkau mahu, boleh engkau merdekakannya tetapi (dengan syarat) walaa'nya⁶⁸² akan menjadi milik kami." Apabila Rasulullah s.a.w. datang, aku sebutkan perkara itu kepadanya.⁶⁸³ Maka Nabi s.a.w. bersabda: "Belilah Barirah dan merdekakanlah dia,

⁶⁸⁰ Sejumlah wang yang ditentukan oleh tuanmas seseorang hamba sebagai syarat untuk kemerdekaan hambanya itu. Hamba mukaatab ialah hamba yang dimerdekakan dengan syarat ia dapat membayar sejumlah wang kepada tuannya secara ansuran dalam masa yang ditentukan oleh tuannya.

⁶⁸¹ Menurut al-'Aini dan al-Qasthallaani, jumlah wang ansuran yang belum dibayar Barirah ialah lima uqiah (satu uqiah menyamai empat puluh dirham). Barirah dikehendaki membayar wang kitaabahnya secara ansuran dalam masa lima tahun. Berdasarkan riwayat Bukhari, Muslim, Malik, Abu Daud, Nasaa'i, Baihaqi, Ibnu Hibbaan dan lain-lain, jumlah kesemua wang kitaabah yang perlu dibayar Barirah kepada tuannya ialah sembilan uqiah.

⁶⁸² Walaa' ialah satu hak istimewa tuanmas yang diterima oleh masyarakat jahiliah dalam sistem perhambaan mereka. Hakikatnya ialah selepas kematian seseorang hamba yang telah dijual, tuanmasnya tetap lebih berhak daripada orang-orang lain dalam mempesakai harta benda bekas hambanya itu. Sistem perhambaan zaman jahiliah mengamalkan juga konsep kitaabah atau mukaatabah iaitu keharusan memerdekakan hamba apabila ia bersetuju membayar sejumlah wang secara ansuran dalam jangka masa tertentu. Tetapi mereka memberikan hak istimewa kepada tuanmas dengan memberikan hak walaa' kepadanya. Islam telah mengubah sistem itu dengan memberikan hak walaa' kepada orang yang memerdekakannya sahaja. Hamba yang dimerdekakan oleh seseorang jika mati dalam keadaan tidak mempunyai pewaris atau 'ashabah, maka orang yang memerdekakannya ialah yang berhak mempesakai harta benda peninggalannya. Justeru walaa' merupakan salah satu sebab yang membolehkan seseorang menerima pesaka daripada hamba yang dimerdekakannya. Menurut as-Sindi, Anwar Syah Kashmiri dan ramai lagi tokoh-tokoh yang lain, 'Aaisyah sebenarnya mahu memerdekakan Barirah setelah membelinya, bukan setelah menghabiskan bayaran kitaabahnya yang tertunggak. Tetapi tuan punya Barirah tidak bersedia menjual Barirah melainkan dengan syarat walaa'nya diperolehi mereka. Itulah yang dibantah oleh Rasulullah s.a.w. Oleh kerana Baginda s.a.w. telah pun menyatakan hukum walaa' bahawa ia hanya dipunyai orang yang memerdekakan seseorang hamba, maka Baginda s.a.w. terus menyuruh 'Aaisyah membeli Barirah walaupun dengan syarat yang dikemukakan oleh tuanmasnya dengan alasan syarat yang bertentangan dengan hukum Allah tidak berhak diperolehi pihak yang mensyaratkannya. Walaupun pada zahirnya 'aqad itu nanti mengandungi syarat yang bertentangan dengan hukum Allah dan di sebaliknya tersembunyi semacam helah atau tipu daya oleh pihak 'Aaisyah, namun ia dibenarkan demi memenuhi tuntutan mashlahat yang lebih besar. Selain itu, cara sedemikian juga difikir Rasulullah s.a.w. sebagai lebih berkesan untuk membatalkan kedegilan mereka. Bagi as-Sindi, Rasulullah s.a.w. berhak melakukan tindakan sedemikian dalam keadaan-keadaan tertentu.

⁶⁸³ Di dalam setengah-setengah riwayat seperti di dalam riwayat Sufyan di atas, perkataan ذَكَرْتُ tersebut dengan tasydid huruf kaafnya. Di dalam setengah-setengah riwayat pula seperti di dalam riwayat Malik, ia tersebut dengan takhfif kaafnya. Perkataan ذَكَرْتُ dengan tasydid huruf kaafnya memberi erti: Aku mengingatkannya (Baginda s.a.w.) perkara itu. Boleh juga ia diterjemahkan dengan: Aku menyebut kembali kepadanya (Baginda s.a.w.) perkara itu. Mafhumnya ialah sebelum itu aku telah pun menyebutkan perkara itu kepada Baginda. Mungkin kerana terlupa atau kerana kesibukan nabi s.a.w., 'Aaisyah mengingatkannya atau menyebutnya kembali kepada Baginda s.a.w. Jika dibaca dengan takhfif kaafnya pula, ia akan bererti: Aku sebutkan perkara itu kepada Baginda s.a.w. Mafhumnya ialah sebelum itu aku belum menyebut apa-apa kepada Rasulullah s.a.w. tentangnya. Perkataan ذَكَرْتُ yang dibaca dengan tasydid huruf kaaf, menghendaki dua maf'ul. Dhamir di hujungnya adalah maf'ul pertamanya. Perkataan ذَٰلِكَ pula adalah maf'ul keduanya. Inilah agaknya alasan golongan yang mentarjihkan bacaan dengan tasydid huruf kaaf. Golongan yang mentarjihkan bacaan ذَكَرْتُ dibaca dengan takhfif mempunyai dua alasan. Pertama: Ia lebih menepati kebanyakan riwayat. Kedua:

kerana walaa' adalah hak orang yang memerdekakan (seseorang hamba).” Kemudian Rasulullah s.a.w. berdiri di atas mimbar. Pernah pada suatu ketika yang lain Sufyan berkata: “Maka Rasulullah s.a.w. naik ke atas mimbar”. Lalu Baginda bersabda: “Kenapa ada orang-orang yang meletakkan syarat-syarat yang tidak terdapat di dalam kitab Allah?! Sesiapa yang meletakkan syarat yang tidak terdapat di dalam kitab Allah,⁶⁸⁴ dia tidak berhak mendapatnya, sekalipun dia meletakkan seratus syarat.⁶⁸⁵ `Ali (ibnu al-Madini) berkata: Yahya (bin Sa'id al-Qatthaan) dan `Abdul Wahhaab (bin `Abdil Majid ats-Tsaqafi) meriwayatkan daripada Yahya daripada `Amrah sama spt ma'na haditsnya (Sufyan). Ja'far bin `Aun pula meriwayatkan daripada Yahya (bin Sa'id al-Anshaari), katanya: Saya telah mendengar `Amrah berkata: Saya telah mendengar `Aaisyah.... Malik meriwayatkan daripada Yahya (bin Sa'id al-Anshaari) daripada `Amrah bahawa Barirah.... Tetapi dia (Malik) tidak menyebutkan: “Baginda naik ke atas mimbar”.⁶⁸⁶

Riwayat dengan takhfiif kaaf ذكركمته menghendaki berlakunya حذف dan إيصال di situ. Taqdirnya ialah ذكركمته . Boleh juga dikatakan perkataan ذكركمته merupakan بدل kepada dhamir manshub pada ذكركمته . Jaar majrurnya pula mahzuf. Taqdirnya له . `Allamah as-Sindi merupakan salah seorang tokoh yang mentarjihkan bacaan kaaf dengan takhfiif di dalam hadits ini.

⁶⁸⁴ Al-Qur'anlah biasanya akan difahami sebagai kitab Allah. Tetapi berdasarkan hadits-hadits yang sahih, kitab Allah tidak digunakan khusus untuk al-Qur'an sahaja. Malah ia sering digunakan dengan erti ketetapan Allah atau hukum Allah secara umum. Kitab Allah juga ada kalanya dipakai dengan erti as-Sunnah seperti yang terdapat di dalam hadits ini. Ini kerana hukum atau ketetapan bahawa walaa' adalah hak orang yang memerdekakan seseorang hamba itu, sama sekali tidak terdapat di dalam al-Qur'an. Ia bahkan terdapat di dalam as-Sunnah. Maka dengan itu diketahuilah bahawa hukum atau ketetapan as-Sunnah juga merupakan hukum dan ketetapan Allah.

⁶⁸⁵ Seratus syarat yang disebut Nabi s.a.w. di dalam hadits ini bukan untuk menentukan (tahdid) bilangan, dengan erti jika diletakkan syarat melebihi seratus, maka berhaklah seseorang mendapat apa yang disyaratkannya, walaupun ia bercanggah dengan hukum Allah. Rasulullah s.a.w. sebenarnya menggunakan bilangan seperti itu semata-mata untuk mubaalaghah dan ta'zim (menyatakan biar berapa banyak sekalipun syarat yang diletakkan, jika ia bercanggah dengan hukum Allah, ia tetap tidak berfaedah dan tidak terpakai). Penggunaan bilangan dengan erti mubaalaghah seperti ini terdapat juga di dalam al-Qur'an. Misalnya di dalam firman Allah berikut ini:

أَسْتَغْفِرُكُمْ أَوْ لَا تَسْتَغْفِرُكُمْ إِنِّي سَبْعِينَ مَرَّةً فَلَن يَغْفِرَ اللَّهُ لَهُمْ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٨٠﴾

Bermaksud: Sama sahaja, engkau meminta ampun untuk mereka (orang-orang manufik itu) atau tidak. Jika engkau (Wahai Muhammad) meminta ampun untuk mereka tujuh puluh kali sekalipun, Allah tetap tidak mengampunkan mereka. Yang demikian itu ialah kerana mereka telah kufur kepada Allah dan RasulNya; dan Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang fasik. (at-Taubah: 80).

⁶⁸⁶ Tujuan Bukhari mengemukakan riwayat Yahya (bin Sa'id al-Qatthaan), `Abdul Wahhaab (bin `Abdil Majid ats-Tsaqafi) dan Malik ialah untuk menyatakan riwayat Sufyan yang dikemukakannya sebagai riwayat usul itu ada beberapa mutaabi'nya. Selain itu ada persamaan di antara riwayat mereka dengan riwayat Sufyan daripada segi kesemuanya dikemukakan secara `an'anah. Cuma riwayat Sufyan tidak mursal seperti riwayat mereka. Tetapi riwayat Ja'far bin `Aun menjelaskan bahawa Yahya (bin Sa'id al-Anshaari) telah menerimanya secara samaa'. Demikian juga seterusnya `Amrah menerimanya secara samaa' daripada `Aaisyah. Maka dengan itu hilanglah kemungkinan irsal dan inqithaa' riwayat di atas. Antara sebab kenapa Imam Bukhari mengutamakan riwayat Sufyan daripada riwayat-riwayat orang lain untuk dikemukakan sebagai riwayat usulnya ialah kerana di dalam riwayat Sufyan ada tersebut cerita Nabi s.a.w. berdiri di atas mimbar atau naik ke atas mimbar. Sedangkan di dalam riwayat-riwayat orang lain tidak tersebut perkara itu. Oleh kerana riwayat Sufyan mengandungi ma'lumat yang lebih dan ia diperlukan oleh beliau untuk membentuk satu tajuk bab seperti di atas,

diutamakanlah riwayatnya daripada riwayat-riwayat orang lain. Di dalam Irsyaad as-Saari al-Qasthallaani menyebutkan bahawa berdasarkan nuskah Karimah riwayat Malik secara ta'liq di atas, dikemukakan paling akhir oleh Bukhari. Tetapi berdasarkan riwayat nuskah Abi Zarr, al-Ashili dan Ibni 'Asaakir, riwayat Malik secara ta'liq itu tersebut mula-mula sekali. Sahih Bukhari cetakan India dan Pakistan juga mengandungi tertib nuskah mereka ini. Bagi penulis, tertib inilah yang lebih tepat jika diambil kira maji' (tempat kembali) dhamir pada perkataan نَحْوَهُ. Mengikut nuskah Karimah, ia semestinya kembali kepada Sufyan. Padahal riwayat Yahya (bin Sa'id al-Qatthaan) dan 'Abdul Wahhaab (bin 'Abdil Majid ats-Tsaqafi) hanya sama dengan riwayat Sufyan daripada segi diriwayatkan secara 'an'anah semata-mata. Riwayat mereka berdua juga tidak menyebutkan fasal nabi naik ke atas mimbar seperti yang tersebut di dalam riwayat Sufyan. Riwayat Ja'far bin 'Aun juga tidak betul-betul sama dengan riwayat Sufyan. Kerana Sufyan meriwayatkannya secara 'an'anah. Ja'far pula meriwayatkannya secara samaa'. Riwayat Ja'far juga tidak ada menyebutkan Nabi s.a.w. naik ke atas mimbar. Selain itu riwayat Ja'far adalah mursal, sedangkan riwayat Sufyan bukan mursal. Jika dhamir pada perkataan نَحْوَهُ dikembalikan kepada Malik pula, maka akan berlakulah apa yang dikatakan عود الضمير إلى متأخر لفظاً ورتبة, dan ini ada sesuatu yang tidak harus mengikut qaedah ilmu nahu. Tetapi kalau riwayat Malik secara ta'liq itu terletak mula-mula sekali, tentulah ia lebih sesuai kerana dhamir pada perkataan نَحْوَهُ akan kembali kepada Malik dan memanglah riwayat Malik lebih serupa dengan riwayat mereka. Untuk lebih jelas, lihatlah tertib yang terdapat di dalam nuskah Abi Zarr, al-Ashili dan Ibni 'Asaakir sesuai dengan Sahih Bukhari cetakan India dan Pakistan. Ia adalah seperti di bawah ini:

وَرَوَاهُ مَالِكٌ عَنْ يَحْيَى عَنْ عُمَرَ أَنَّ بَرِيرَةَ وَلَمْ يَنْكَرْ صَعِيدُ الْمُبَيْرِ قَالَ عَلِيُّ بْنُ أَبِي يَحْيَى وَعَبْدُ الْوَهَّابِ عَنْ يَحْيَى عَنْ عُمَرَ نَحْوَهُ وَقَالَ جَعْفَرُ بْنُ عَوْنٍ عَنْ يَحْيَى قَالَ سَمِعْتُ عُمَرَ قَالَتْ سَمِعْتُ عَائِشَةَ قَالَتْ

Imam Bukhari mewashalkan riwayat Malik ini di dalam باب المكاتب dengan mengambilnya daripada gurunya 'Abdullah bin Yusuf daripada Malik dan seterusnya seperti tersebut di atas. **Antara pengajaran dan panduan yang terdapat di dalam hadits di atas ialah:** (1) Memerdekakan hamba secara kitaabah atau mukataabah adalah sesuatu yang masyru' (disyari'atkan) dalam Islam. Firman Allah berikut ini adalah sebaik-baik buktinya:

وَالَّذِينَ يَبْتَغُونَ الْكِتَابَ مِمَّا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ فَكَاتِبُوهُمْ إِنْ عَلِمْتُمْ فِيهِمْ خَيْرًا وَآتَوْهُمْ مِّنْ مَّالِ اللَّهِ الَّذِي آتَاكُمْ ﴿٦٠﴾

Bermaksud: ...dan hamba-hambamu (lelaki dan perempuan) yang hendak memerdekakan diri dengan cara kitaabah (membayar sejumlah wang secara ansuran dalam masa yang ditentukan), hendaklah kamu terima kehendak mereka itu, jika kamu mengetahui ada kebaikan pada mereka, dan berilah kepada mereka sebahagian dari harta Allah yang dikaruniakanNya kepadamu... (An-Nuur: 33). (2) Kitaabah ialah persetujuan membayar sejumlah wang secara ansuran oleh pihak hamba kepada tuannya dalam masa yang dipersetujui kedua-dua pihak untuk si hamba berkenaan mendapat kemerdekaan dirinya. (3) Keharusan menjual hamba mukaatab dengan perincian seperti akan disebutkan nanti, in syaa' Allahu ta'ala. (4) Keelokan meminta pertolongan dan bantuan apabila tidak mampu memikul sesuatu beban atau tidak berupaya menyelesaikan hutang dan sebagainya. (5) Disyari'atkan membantu hamba dalam usahanya memerdekakan diri. Hamba juga merupakan golongan yang berhak menerima zakat untuk kemerdekaan dirinya berdasarkan nas al-Qur'an. (6) Keharusan bermu'amalah tanpa pengetahuan suami. (7) Keharusan menyambung bayaran ansuran yang tertunggak. (8) Hak walaa' hanya dipunyai orang yang memerdekakan seseorang hamba. Walaa' adalah salah satu sebab seseorang memperoleh pesaka. (9) Orang alim atau pemimpin masyarakat hendaklah terus mema'lumkan kepada orang ramai hukum tentang sesuatu perkara, apabila ia diperlukan. Dia juga hendaklah mengingatkan mereka apabila keadaan memerlukan peringatan. (10) Masyarakat Islam semestinya mengambil berat tentang hukum-hukum syari'at. (11) Untuk menyatakan sesuatu perkara yang penting, Rasulullah s.a.w. selalu juga naik ke atas mimbar. Baginda s.a.w. tidak hanya naik ke atas mimbar apabila mahu berkhotbah pada hari Juma'at sahaja. (12) Ketika mahu menegur dan membetulkan kesilapan seseorang atau sesuatu golongan, Nabi s.a.w. tidak akan menuding jari kepadanya. Baginda s.a.w. juga tidak akan mendedahkan namanya di hadapan orang ramai. Langkah yang selalu diambil oleh Rasulullah dalam menanganinya ialah dengan menegur secara umum atau memberikan nasihat tanpa menjatuhkan air muka orang yang ditegur. (13) Segala syarat yang tidak menepati kehendak syari'at adalah terbatal dan tertolak, walaupun ia banyak dan diperkuatkan dengan sumpah dan sebagainya. (14) Segala syarat yang tidak bercanggah dengan kehendak syari'at akan dikira sah dan boleh diterima. (15) Syarat yang sah dalam mana-mana 'aqad atau perjanjian wajib dipenuhi dan ditunai, sesuai dengan dua firman Allah berikut ini: (i) يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman, penuhilah aqad-aqad (dan janji-janjimu)... (al-Maa'idah: 1). (ii) وَأَوْفُوا بِالْعَهْدِ إِنَّ الْعَهْدَ كَانَ مَسْئُولًا Bermaksud: ... dan penuhilah janji (dengan Allah dan dengan manusia), Sesungguhnya janji itu pasti akan ditanya. (al-Israa': 34). (16) Keelokan menyatakan hukum tentang sesuatu perkara apabila ia berlaku. (17) Ketetapan Allah dan hukumnyalah yang wajib

باب القَاضِي وَالْمَلَاذِمَةِ فِي الْمَسْجِدِ

44- Bab Menuntut Hutang Dan Tetap Berada Bersama Dengan Orang Yang Berhutang Di Dalam Masjid (Untuk Menuntut Hutang).⁶⁸⁷

diikuti orang-orang mu'min. Mereka tidak sepatutnya mengikut peraturan dan hukum manusia setelah ada peraturan dan hukum Allah tentang sesuatu perkara. (18) Keharusan menyegerakan pembayaran hutang atau melangsaikan hutang sebelum tiba masa pembayarannya yang ditentukan. (19) Kewajipan membantah syarat yang tidak bertepatan dengan kehendak syari'at. (20) Keharusan berhutang dan melunasinya dengan beransur-ansur. (21) Keharusan memfasakhkan (membatalkan) sesuatu 'aqad yang tidak dapat disempurnakan, kemudian mengadakan 'aqad yang lain pula selepasnya. (22) Keharusan jual beli bersyarat selagi syarat yang diletakkan tidak bercanggah dengan kehendak syari'at. (23) Perkataan kitab Allah di dalam hadits kadang-kadang dipakai dengan erti ketetapan, ketentuan atau hukum Allah. Ia tidak semestinya bereti al-Qur'an. (24) Kemurahan hati 'Aaisyah isteri Nabi s.a.w. dan kekayaan beliau. Kalau beliau tidak kaya, bagaimana beliau boleh memerdekakan sekian ramai hamba abdi seperti Barirah. Hakikat ini dapat dilihat di dalam kitab-kitab hadits dan sirah. (25) Kebebasan yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w. kepada isterinya untuk mengurus sendiri soal jual beli dan memerdekakan hamba sahaya sebagai suatu amal kebajikan, ketara sekali di dalam hadits ini.

⁶⁸⁷ Bukhari mengadakan bab ini untuk menyatakan beberapa perkara. Antara lainnya ialah: (1) Melakukan perkara-perkara seumpama ini masih lagi diharuskan di dalam masjid, walaupun ia mungkin menyebabkan berlaku sedikit kekecohan. Dalam keadaan terkawal dan langsung tidak menimbulkan suasana tegang lebih-lebih lagi ia diharuskan. (2) Beliau mahu mengisyratkan kepada kedha'ifan hadits yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan lain-lain di mana dikatakan Rasulullah s.a.w. bersabda: *جَنَّبُوا مَسَاجِدَكُمْ صِبْيَانَكُمْ وَمَجَانِينَكُمْ وَشُرَاءَكُمْ وَتَبِعَكُمْ وَخُصُومَاتِكُمْ وَرَفَعَ أَصْوَاتَكُمْ وَإِقَامَةَ خُودِكُمْ* Rasulullah s.a.w. bersabda: *وَسَلُّ سَبْعِينَ مَرَّةً وَأَتَّخِذُوا عَلَى أَبْوَابِهَا الْمَطَاهِرَ وَجَمَرُوهَا فِي الْجَمْعِ* Bermaksud: "Elakkan masjid-masjid kamu daripada kanak-kanak, orang-orang gila, berjual beli, perbantahan, meninggikan suara, melaksanakan hukuman hudud dan menghunuskan pedang-pedang di dalamnya. Sediakanlah tempat-tempat bersuci di pintu-pintu masjid dan ukupkannya pada hari Juma'at. (Hadits riwayat Ibnu Majah). Hadits ini mungkin dijadikan dalil oleh orang yang tidak mengetahui tentang kedha'ifannya. Perbincangan tentang sanad hadits ini telah pun berlalu di bawah "Bab Orang-Orang Yang Bermain Lembing Di Dalam Masjid." Selain ia sendiri satu hadits yang dha'if, ia juga bercanggah dengan hadits di bawah bab ini. Hadits seperti ini di dalam istilah ilmu Usul Hadits dipanggil hadits mungkar. (3) Walaupun melakukan perkara-perkara seperti menagih hutang itu pada dasarnya diharuskan di dalam masjid, tetapi ia mungkin bertukar menjadi makruh atau haram jika dijadikan kebiasaan atau apabila ia mencetuskan suasana kecoh sehingga mengganggu orang-orang yang sedang beribadat di dalamnya. (4) Imam Bukhari menyebutkan dua perkara di dalam tajuk bab di atas. Pertamanya ialah menuntut hutang. Keduanya pula ialah tetap berada bersama dengan orang yang berhutang. Yang pertama sahaja terbukti melalui hadits di bawah tajuk bab di atas. Sementara yang kedua daripadanya tidak terbukti kerana ia langsung tidak tersebut di dalam hadits yang dibentangkan itu. Dengan berbuat begini Imam Bukhari bermaksud mengajar dua perkara kepada para pembaca kitabnya. **Pertama:** Caranya beristidlal. Beliau sering kali mengisyratkan kepada saluran lain bagi sesuatu riwayat yang dikemukakannya. Riwayat yang diisyratkan itulah sebenarnya merupakan tempat ambilannya. Tajuk bab di atas adalah salah satu contoh yang baik untuk melihat metode yang diguna pakai beliau. Memang benar tidak terdapat di dalam hadits di bawahnya sebutan tentang tetap berada bersama dengan orang yang berhutang atau tidak berpisah dengannya. Tetapi ia tersebut di dalam versinya yang lain. Di dalamnyalah tersebut perkara kedua itu. Ia dikemukakan Bukhari di bawah dua bab iaitu *باب في الملازمة* dan *باب هل يشير الإمام*. Perhatikanlah perkataan yang bergaris di bawahnya di dalam teks riwayat yang diisyratkan oleh Imam Bukhari di bawah ini:

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ بُكَيْرٍ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ جَعْفَرِ بْنِ رَبِيعَةَ عَنْ الْأَعْرَجِ قَالَ حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ كَعْبٍ عَنْ مَالِكٍ عَنْ كَعْبٍ أَنَّ مَالِكًا كَانَ لَهُ عَلَى عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي حَذْرَدٍ الْأَسْلَمِيِّ مَالٌ فَلَقِيَهُ فَلَزِمَهُ حَتَّى ارْتَفَعَتْ أَصْوَاتُهُمَا فَمَرَّ بِهِمَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا كَعْبُ فَاتَّخَذَ بِيَدِهِ كَأَنَّهُ يَقُولُ النَّصْفَ فَأَخَذَ نِصْفَ مَا لَهُ عَلَيْهِ وَتَرَكَ نِصْفًا

Bermaksud: 'Abdullah bin Abi Hadrad ada berhutang dengan Ka'ab bin Malik. Apabila Ka'ab bertemu dengannya, teruslah dia tidak berpisah dengannya sehingga suara kedua-dua mereka meninggi. Setelah Nabi s.a.w. pergi kepada mereka, berkatalah Baginda s.a.w. (kepada Ka'ab): Wahai Ka'ab! Sambil mengisyratkan dengan tangannya menunjukkan (supaya dikurangkan) separuh (daripada hutangnya).

٤٣٧ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ قَالَ حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ عُمَرَ قَالَ أَخْبَرَنَا يُونُسُ بْنُ الزُّهْرِيِّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ كَعْبٍ بْنِ مَالِكٍ عَنْ كَعْبٍ أَنَّهُ تَقَاضَى ابْنُ أَبِي حَدَرٍ دَيْنًا كَانَ لَهُ عَلَيْهِ فِي الْمَسْجِدِ فَارْتَفَعَتْ أَصَوَاتُهُمَا حَتَّى سَمِعَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ فِي بَيْتِهِ فَخَرَجَ إِلَيْهِمَا حَتَّى كَشَفَ سَحْفَ حُجْرَتِهِ فَنَادَى يَا كَعْبُ قَالَ لَبَّيْكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ ضَعْ مِنْ دَيْنِكَ هَذَا وَأَوْمَأَ إِلَيْهِ أَيْ الشَّطْرَ قَالَ لَقَدْ فَعَلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ قُمْ فَاقْضِهِ

437- `Abdullah bin Muhammad meriwayatkan kepada kami, katanya: `Utsman bin `Umar meriwayatkan kepada kami, katanya: Yunus meriwayatkan kepada kami daripada az-Zuhri daripada `Abdillah bin Ka`ab bin Malik daripada Ka`ab bahawa dia pernah menuntut hutangnya daripada Ibnu Abi Hadrاد⁶⁸⁸ di dalam masjid. Maka meninggillah suara mereka berdua sehingga didengar oleh Rasulullah s.a.w. yang pada ketika itu berada di dalam rumahnya. Baginda s.a.w. pun keluar dengan menyingkapkan tabir (pintu) rumahnya⁶⁸⁹ lalu berseru: “Wahai Ka`ab”. Jawab Ka`ab: “Ya, saya wahai Rasulullah”. Berkatalah Rasulullah s.a.w. (kepadanya): “Kurangkanlah hutangmu itu”. Baginda mengisyaratkan kepadanya supaya mengurangkan separuh hutang. Kata Ka`ab: “Baiklah wahai Rasulullah s.a.w.

Maka oleh Ka`ab diambilnyalah separuh daripada hutangnya dan ditinggalkannya (dikurangkannya) separuh. Perkataan yang bergaris di dalam hadits inilah merupakan punca perkara kedua iaitu mulaazamh di dalam tajuk bab di atas. **Kedua:** Caranya menyimpulkan atau menarik sesuatu mafhum daripada sesuatu hadits. Tanpa melihat kepada riwayat lain sekali pun, tetap juga terdapat di dalam hadits yang dikemukakan di bawah bab di atas perkara kedua yang disebut oleh Bukhari di dalam tajuk bab yang diadakannya itu. Kerana tentu sekali apabila Ka`ab menuntut hutangnya daripada Ibnu abi Hadrاد, dia akan bersamanya dan tidak berpisah darinya buat seketika sebelum kedatangan Nabi s.a.w. kepada mereka. Itulah yang dikatakan mulaazamah. **Ketiga:** Penyelidikan yang menyeluruh dan komprehensif terhadap hadits-hadits yang berkenaan dengan sesuatu persoalan amat diperlukan untuk mencapai kefahaman yang tepat. Maka perlu sekalilah diketahui athraaf bagi sesuatu hadits di dalam sesebuah kitab yang dikaji di samping mengetahui juga athraafnya di dalam kitab-kitab yang lain. **Athraaf hadits di atas** sebagai contohnya terdapat pada lima tempat lain selain di sini di dalam Sahih Bukhari sahaja. Selain Bukhari, hadits ini diriwayatkan juga oleh Muslim, Abu Daud, Nasaa'i, Ibnu Majah dan lain-lain di dalam kitab masing-masing. Perbezaan dan persamaan yang terdapat di dalam riwayat mereka juga perlu sekali diperhatikan.

⁶⁸⁸ Daripada riwayat Bukhari yang tersebut di dalam nota sebelum ini diketahui nama sebenar Ibnu Abi Hadrاد. Beliau ialah `Abdullah bin Abi Hadrاد bin `Umar al-Aslami. Abu Hadrاد adalah kunyah ayahnya. Nama sebenar ayahnya menurut az-Zahabi, al-`Aini dan al-Qasthallaani ialah Salaamah. Ibnu Abi Hadrاد terbilang sebagai salah seorang sahabat Nabi s.a.w. Beliau telah ikut serta dalam peristiwa Hudaibiah dan peristiwa-peristiwa lain selepasnya. Wafat pada tahun 71 atau 72H ketika berumur 81 tahun. Bukan sekali beliau dilantik Rasulullah s.a.w. memimpin pasukan tentera. Jumlah hutang yang dituntut Ka`ab daripada Ibnu Abi Hadrاد ialah dua uqiah berdasarkan hadits yang diriwayatkan oleh Ahmad, Thabaraani dan Ibnu Abi Syaibah. Tetapi isnad mereka dha`if kerana terdapat di dalamnya perawi dha`if bernama Zam`ah bin Salih al-Janadi al-Yamaani.

⁶⁸⁹ Perkataan sijf atau sajf sebenarnya bererti tabir atau langsir yang terbelah di bahagian tengahnya. Tidak dikatakan sijf melainkan kepada tabir atau langsir yang bahagian tengahnya terbelah sebagai satu fesyen.